



BAHAGIAN REGULATORI
FARMASI NEGARA
(NPRA)

VAKSIN



Lot 36, Jalan Profesor Diraja Ungku Aziz
46200 Petaling Jaya, Selangor, Malaysia.
Telefon: +603-7883 5400
Faks: +603-7956 2924, +603-7956 7075
Emel: npra@npra.gov.my
Laman Web: www.npra.gov.my

Apa itu VAKSIN?

- Vaksin adalah suatu persediaan biologi yang menyediakan pelalian aktif untuk penyakit tertentu seperti difteria, rubella, *measles* (campak), *mumps* (beguk), cacar air, etc.
- Mengandungi antigen, sama ada diperolehi dari sebahagian atau keseluruhan struktur virus atau bakteria yang telah dimatikan (pertusis/ batuk kokol) atau dilemahkan (polio), toksin bakteria yang telah dilemahkan (toxoid), atau protein virus (hepatitis).
- Boleh diberikan melalui suntikan (contohnya MMR) ataupun mulut (contohnya vaksin rotavirus)
- Vaksin mesti disimpan dengan betul dalam persekitaran terkawal.

Bagaimana VAKSIN membantu mencegah penyakit?

- Vaksin mengurangkan risiko jangkitan kerana ia akan merangsang sistem pertahanan badan manusia untuk membina imuniti terhadap penyakit.
- Apabila bakteria atau virus menyerang badan kita, ia bukan sahaja menyerang tetapi juga akan membiak. Pencerobohan ini dipanggil jangkitan. Sistem imuniti kita perlu melawan jangkitan tersebut dengan cara badan kita menghasilkan sel-sel yang akan membantu mengenal dan melawan penyakit yang sama pada masa akan datang. Sel-sel ini dipanggil antibodi.
- Vaksin membantu untuk membina imuniti dengan menyerupai proses 'jangkitan' tetapi 'jangkitan' tiruan tersebut tidak akan menyebabkan penyakit. Sebaliknya, ia akan membantu sistem imuniti kita untuk membentuk tindak balas yang sama seperti jangkitan sebenar, supaya badan kita dapat mengenali dan melawan penyakit yang dapat dicegah oleh vaksin, pada masa hadapan.

Kepentingan Vaksinasi

Penyakit-penyakit yang boleh dicegah melalui vaksinasi sentiasa wujud dan boleh berjangkit kepada mereka yang lemah imuniti dan tidak mempunyai perlindungan vaksin.

Vaksin boleh memberi perlindungan daripada jangkitan seperti Hepatitis B, HPV, dan juga jangkitan virus COVID-19 yang menular.

Vaksinasi akan memberi perlindungan kepada komuniti apabila sebahagian besar daripada mereka telah diberi vaksinasi terhadap penyakit yang boleh dicegah oleh vaksin. Imuniti kelompok akan tercapai dan bakteria atau virus sukar untuk merebak dalam komuniti tersebut.

Vaksinasi boleh menurunkan bilangan hari tidak berkerja dan kos perubatan akibat daripada jangkitan penyakit yang boleh dicegah oleh vaksin

Kesan Sampingan Umum Vaksinasi

Kebanyakan kesan sampingan adalah ringan dan bersifat sementara seperti demam, bengkak ringan, dan sakit pada tempat yang disuntik. Lain-lain (menggigil, keletihan, sakit kepala dan sakit sendi)

Reaksi Kritikal yang Perlu Diberi Perhatian

Jika keadaan ini berlaku:

- kesukaran bernafas
- batuk dan nafas berdehit
- pening
- ruam
- bengkak di mulut dan tekak
- cirit-birit dan muntah

JIKA ANDA MENGALAMI SEBARANG KESAN SAMPINGAN VAKSIN, DAPATKAN NASIHAT DOKTOR ATAU AHLI FARMASI SECEPAT MUNGKIN

Sila laporkan sebarang kesan sampingan walaupun anda tidak pasti ianya disebabkan oleh ubat atau vaksin anda. Anda boleh laporkan terus kepada NPRA dengan menggunakan borang pelaporan kesan sampingan ubat untuk pengguna (ConSERF) di:



<http://www.npra.gov.my> >

Pengguna > Pelaporan >

Pelaporan Kesan Sampingan Ubat-Ubatan (ConSERF) atau Kesan Advers Vaksin (AEFI)



SOALAN LAZIM

1. Adakah vaksinasi diperlukan sekiranya tahap kebersihan, sanitasi dan air bersih adalah mencukupi?

Vaksin adalah penting dan tahap kebersihan yang baik, sanitasi, air bersih, serta nutrisi sahaja tidak mencukupi untuk menghentikan penyebaran penyakit. Sekiranya kita tidak mengekalkan vaksinasi yang optimum, penyakit yang telah dicegah berkemungkinan besar akan kembali.

2. Adakah vaksin selamat?

Vaksin adalah selamat. Vaksin berdaftar telah dinilai sebelum diluluskan dan akan kerap dipantau semasa di pasaran. Agensi regulatori sentiasa memantau kesan sampingan vaksin tersebut. Kebanyakan kesan sampingan vaksin adalah ringan dan bersifat sementara, seperti lenguh-lenguh lengan atau demam biasa.

3. Adakah vaksin memberikan imuniti yang lebih baik berbanding dengan penyakit itu sendiri?

Vaksin berinteraksi dengan sistem imun kita untuk menghasilkan tindakbalas imun, sama seperti penyakit secara semulajadi, tetapi ia tidak menyebabkan penyakit atau menyebabkan risiko komplikasi kepada orang yang divaksinasi.

4. Bolehkah saya dilindungi daripada Influenza melalui vaksinasi?

Ya. Vaksinasi adalah cara terbaik untuk mengurangkan pendedahan kepada selesema / influenza dan penyebaran kepada individu lain. Vaksin untuk influenza telah digunakan selama lebih daripada 60 tahun.

5. Apakah kaitan vaksin dengan autisme?

Kajian pada tahun 1998 telah mencetuskan kebimbangan mengenai kemungkinan perkaitan antara vaksin measles-mumps-rubella (MMR) dan autisme. Namun begitu, kajian ini kemudiannya telah didapati salah dan adalah merupakan suatu penipuan. Tiada bukti kukuh yang menyatakan bahawa terdapat perkaitan antara vaksin MMR dan autisme.

6. Adakah vaksinasi dibenarkan dalam Islam?

Ya. Vaksinasi adalah langkah untuk mencegah penyebaran penyakit berjangkit yang boleh menyebabkan kematian. Vaksinasi bukanlah merupakan keperluan bagi seseorang individu, tetapi ianya adalah penting bagi keseluruhan masyarakat pada masa ini.